

Malaysia terbuka hantar sukarelawan ke Gaza: PM

Keputusan ikut persetujuan negara Arab, Islam lain susulan gencatan senjata 4 hari

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Putrajaya: Penghantaran sukarelawan Malaysia ke Semenanjung Gaza susulan gencatan senjata perang Israel-Palestin selama empat hari, bergantung kepada persetujuan bersama negara Arab dan Islam lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ketika ini Malaysia juga terbuka untuk menghantar sukarelawan ke negara bergolak itu.

“Ia terserah kepada keputusan bersama. Kita terbuka untuk menghantar (sukarelawan). Apa pun kita setuju.

“Cuma ia tertakluk kepada persetujuan kita dengan negara Arab dan juga negara Islam, te-

utama negara sekitar Palestin,” katanya selepas solat Jumaat dan makan tengah hari di Surau Al Furqan, Presint 11, di sini, semalam.

Laporan antarabangsa melaporkan, gencatan senjata perang Israel-Palestin di Gaza selama empat hari bermula semalam dan pertukaran tebusan dan tahanan akan menyusul beberapa jam kemudian, kata pengantara Qatar.

Perjanjian gencatan senjata difasilitasi oleh Qatar dengan bantuan Mesir dan Amerika Syarikat (AS) sepatutnya berkuat kuasa kelmarin, tetapi ditangguhkan selepas halangan saat akhir.

“Jeda akan bermula pada 7 pagi pada Jumaat (1 tengah hari waktu Malaysia). Kumpulan pertama tebusan awam akan diserahkan kira-kira jam 4 petang (10 malam waktu Malaysia),” kata jurucakap Kementerian Luar Qatar, Majed Al Ansari.

13 tawanan akan dibebaskan

Pada peringkat permulaan, 13 orang akan dibebaskan membatik wanita dan kanak-kanak daripada keluarga sama, kata Ansari pada sidang media di Doha.



**TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN
MEDIA PRIMA**

Sumbangan anda boleh disalurkan melalui:

 **Bank Muamalat**
بنك مواملات
Kehidupan lebih baik, bersama

MAYBANK

1401 0008 8447 15 **5642 7651 0331**

     

www.mediaprima.com.my

Mengulas mengenai gencatan senjata selama empat hari itu, Anwar menjelaskan, situasi itu kekal membimbangkan walaupun ia sedikit melegakan.

“Ia melegakan sedikit, tetapi kita berdepan dengan rejim yang ganas dan kegiatan keganasan mereka itu sangat membimbangkan kita,” katanya.